

**PERATURAN-PERATURAN PERIKANAN (KELAUTAN)
(PELESENAN VESEL PENANGKAPAN
IKAN TEMPATAN) 1985**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Nama, mula berkuatkuasa dan pemakaian.
 2. Permohonan untuk mendapatkan lesen dan pembaharuannya.
 3. Kehendak supaya mengemukakan vesel untuk pemeriksaan.
 4. Pemeriksaan mengenai layak layar vesel, dll.
 5. Daftar lesen-lesen.
 6. Butir-butir yang hendak dimasukkan ke dalam lesen vesel penangkapan ikan tempatan.
 7. Fee.
 8. Pengemukaan KPPK.
 9. Tanggungjawab untuk melaporkan penukaran keempunyaan vesel.
 10. Menomborkan dan menandakan vesel.
 11. Penyerahan vesel.
 12. Lesen hendaklah disimpan di atas vesel.
 13. Empunya hendaklah memberi nama apabila diminta.
 14. Vesel penangkapan ikan dan patil lesen hendaklah disimpan bersih.
 15. Laporan mengenai penukaran, kehilangan, kerosakan, dll., kepada Ketua Pengarah.
 16. Kematian, kemalangan dan artikel yang tertinggal dalam vesel.
 17. Batasan dalam mana vesel penangkapan ikan boleh berulang-alik.
 18. Vesel penangkapan ikan tidak boleh membawa penumpang atau kargo.
 19. Keanggotaan.
 20. Pensitaan vesel penangkapan ikan berlesen tempatan.
 21. Kehilangan lesen.
 22. Penalti.
- JADUAL.

PERATURAN-PERATURAN PERIKANAN (KELAUTAN) (PELESENAN VESEL PENANGKAPAN IKAN TEMPATAN) 1985*

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 61 Akta Perikanan 1985, Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

1. Nama, mula berkuatkuasa dan pemakaian.

(1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perikanan (Kelautan) (Pelesenan Vesel Penangkapan Ikan Tempatan) 1985** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1986.

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai hanya bagi vesel penangkapan ikan tempatan di perairan penangkapan ikan Malaysia.

2. Permohonan untuk mendapatkan lesen dan pembaharuannya.

(1) Tertakluk kepada seksyen 9 Akta, apa-apa permohonan bagi pengeluaran lesen di bawah seksyen 11 Akta atau bagi pembaharuannya berkenaan dengan mana-mana vesel penangkapan ikan tempatan hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut apa-apa bentuk sebagaimana yang ditetapkannya.

(2) Sesuatu permohonan bagi membaharui lesen itu hendaklah dibuat dalam masa tujuh hari dari tarikh habis tempohnya.

3. Kehendak supaya mengemukakan vesel untuk pemeriksaan.

Tiap-tiap pemohon untuk mendapatkan lesen vesel penangkapan ikan tempatan hendaklah mengemukakan veselnya untuk pemeriksaan oleh Ketua Pengarah di mana-mana tempat dan pada bila-bila masa sebagaimana yang diarahkannya.

4. Pemeriksaan mengenai layak layar vesel, dll.

Ketua Pengarah hendaklah, sebelum mengeluarkan apa-apa lesen sedemikian, memeriksa vesel tersebut untuk memastikan bahawa vesel itu layak layar dan dilengkapi dengan kelengkapan keselamatan nyawa dan alat-alat pemadam api sebagaimana dikehendaki oleh perenggan (4) kaedah 18 Kaedah-Kaedah Bot 1953, dan adalah sesuai bagi maksud penangkapan ikan mengikut syarat lesen yang dikeluarkan bagi pengendalian sesuatu peralatan menangkap ikan, belat ikan, atau sistem kultur laut.

* Diterbitkan sebagai PU(A) 567/85.

5. Daftar lesen-lesen.

Ketua Pengarah hendaklah menyenggara dan menyimpan suatu daftar yang menunjukkan butir-butir kesemua lesen vesel penangkapan ikan tempatan yang dikeluarkan.

6. Butir-butir yang hendak dimasukkan ke dalam lesen vesel penangkapan ikan tempatan.

Maka hendaklah dimasukkan ke dalam tiap-tiap lesen vesel penangkapan ikan tempatan yang dikeluarkan di bawah Akta butir-butir yang berikut:

- (a) nama dan alamat empunya dan nakhoda vesel itu;
- (b) panjang, lebar, dalam dan berat tan kasar vesel itu;
- (c) kerakyatan dan bilangan kru yang akan diambil kerja; dan
- (d) nombor Kad Pengenalan Pendaftar Kebangsaan empunya dan nakhoda vesel itu.

[Pind. PU(A)
180/86]

7. Fee.

Maka hendaklah kena dibayar ke atas lesen bagi vesel penangkapan ikan tempatan yang mempunyai kuasa kuda yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual, fee yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual tersebut.

8. Pengemukaan KPPK.

Empunya tiap-tiap vesel penangkapan ikan tempatan hendaklah, pada masa permohonan sesuatu lesen, mengemukakan Kad Pengenalan Pendaftar Kebangsaannya kepada Ketua Pengarah yang hendaklah memasukkan nombor kad pengenalan itu di atas lesen dan ke dalam daftar yang berkenaan.

9. Tanggungjawab untuk melaporkan penukaran keempunyaan vesel.

Pemegang mana-mana lesen vesel penangkapan ikan tempatan hendaklah melaporkan kepada Ketua Pengarah mengenai apa-apa penukaran ke atas keempunyaan vesel itu dan Ketua Pengarah hendaklah mengambil apa-apa tindakan untuk membatalkan lesen itu. Apa-apa pembatalan sedemikian hendaklah diendorskan pada daftar.

10. Menomborkan dan menandakan vesel.

(1) Empunya tiap-tiap vesel penangkapan ikan berlesen, sebelum pengeluaran mana-mana lesen, hendaklah menyebabkan nombor lesen vesel itu dicatkan, ditandakan atau dipasangkan pada kedua-dua belah vesel tersebut atau mana-mana tempat lain sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah, dan nombor tetap yang diberikan kepada vesel penangkapan ikan tersebut oleh Ketua Pengarah hendaklah diukur atau dicap di atas palang utama atau bahagian lain yang boleh jelas dilihat pada vesel tersebut.

(2) Nombor yang dicat, ditanda, dipasang, diukir atau dicap tersebut yang dikehendaki oleh peraturan ini hendaklah dibuat dengan memuaskan hati Ketua Pengarah, dan tidak boleh dibuang, diubah atau dirosakkan kecuali dengan kebenaran bertulisnya.

(3) Tiada nombor lesen yang dicat, ditanda, dipasang, diukir atau dicap itu boleh terlindung dari pandangan atau terungkup dengan mana-mana bahagian vesel penangkapan ikan itu atau dengan apa jua benda di atasnya.

11. Penyerahan lesen.

Ketua Pengarah hendaklah menyerah kepada empunya tiap-tiap vesel penangkapan ikan berlesen suatu lesen yang mengandungi butir-butir seperti yang dinyatakan dalam peraturan 6.

12. Lesen hendaklah disimpan di atas vesel.

Empunya tiap-tiap vesel penangkapan ikan berlesen hendaklah menyebabkan lesen itu disimpan pada setiap masa di atas veselnya dalam penjagaan nakhoda vesel itu, dan nakhoda tersebut hendaklah menunjukkan lesen itu kepada mana-mana pegawai berkuasa yang meminta untuk melihat lesen tersebut.

13. Empunya hendaklah memberi nama apabila diminta.

Jika apa-apa kesalahan dikatakan telah dilakukan terhadap Akta atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, empunya mana-mana vesel penangkapan ikan berlesen hendaklah memberi apabila diminta kepada pegawai berkuasa nama dan alamat nakhoda veselnya pada mana-mana kejadian tertentu.

14. Vesel penangkapan ikan dan patil lesen hendaklah disimpan bersih.

Empunya tiap-tiap vesel penangkapan ikan berlesen hendaklah menjaga vesel dalam keadaan cuci dan bersih dan hendaklah menyimpan nombor lesen atau patil lesen vesel tersebut bersih dan jelas dilihat dengan memuaskan hati Ketua Pengarah.

15. Laporan mengenai penukaran, kehilangan, kerosakan, dll., kepada Ketua Pengarah.

(1) Empunya tiap-tiap vesel penangkapan ikan berlesen hendaklah dengan serta-merta melaporkan kepada Ketua Pengarah mengenai apa-apa penukaran alamat, jualan, pemecahan atau kehilangan vesel, pelanggaran atau kerosakan serius melalui pelanggaran atau selainnya, atau keterbangkalaian vesel itu untuk dibaiki. Lesen vesel tersebut dan patil nombor hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah pada masa yang sama.

(2) Empunya mana-mana vesel penangkapan ikan berlesen yang tidak bercadang untuk membaharui lesen veselnya dalam masa satu minggu dari tarikh habis tempohnya, hendaklah memberitahu Ketua Pengarah secara bertulis mengenai cadangan tersebut dan memberikan lokasi veselnya.

(3) Ketua Pengarah hendaklah dengan budibicaranya menyebabkan daftar lesen ditutup bagi mana-mana lesen yang belum dibaharui lebih dari satu tahun.

16. Kematian, kemalangan dan artikel yang tertinggal dalam vesel.

Empunya atau nakhoda tiap-tiap vesel penangkapan ikan berlesen hendaklah dengan serta-merta melaporkan kepada pegawai perikanan atau melaporkan di balai polis yang terdekat mengenai kematian atau kemalangan yang disebabkan oleh veselnya atau anggota kru veselnya dan hendaklah menandatangani apa-apa artikel yang tertinggal dalam veselnya di balai polis yang terdekat.

17. Batasan dalam mana vesel penangkapan ikan boleh berulang-alik.

Tiada vesel penangkapan ikan berlesen boleh berulang-alik atau belayar melampaui batasan (jika ada) yang dinyatakan dalam lesen yang dikeluarkan bagi pengendalian peralatan menangkap ikan, belat ikan atau sistem kultur laut.

18. Vesel penangkapan ikan tidak boleh membawa penumpang atau kargo.

[Pind. PU(A)
180/92]

Tiada vesel penangkapan ikan berlesen boleh membawa penumpang atau kargo kecuali dengan kelulusan Pengarah Jabatan Laut.

19. Keanggotaan.

Tiap-tiap vesel penangkapan ikan berlesen apabila belayar hendaklah dianggotai dengan secukupnya hingga memuaskan hati Ketua Pengarah.

20. Pensitaan vesel penangkapan ikan berlesen tempatan.

Apabila seseorang pegawai berkuasa tidak boleh selepas siasatan wajar mendapatkan empunya mana-mana vesel penangkapan ikan berlesen tempatan, dia boleh mensita vesel tersebut.

21. Kehilangan lesen.

[Pind. PU(A)
180/86]

Jika sekiranya lesen vesel penangkapan ikan hilang atau musnah, empunya hendaklah dengan serta-merta melaporkan kehilangan atau kemusnahan tersebut kepada Ketua Pengarah atau di balai polis yang terdekat. Di atas pengemukaan salinan yang disahkan bagi laporan itu atau sesuatu akaun

berkanun yang mengesahkan kehilangan atau kemusnahan tersebut. Ketua Pengarah hendaklah jika dia berpuas hati mengenai keesahan laporan itu, mengeluarkan suatu salinan lesen apabila dibayar fee sepenuhnya.

22. Penalti.

Mana-mana orang yang melanggar atau tidak mematuhi peruntukan-peruntukan Peraturan-Peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit.

—————
JADUAL
(Peraturan 7)

FEE LESEN BAGI VESEL PENANGKAPAN IKAN TEMPATAN

	(1) <i>Kuasa Kuda</i>	(2) <i>Fee</i>
Tidak berkuasa		RM 1.00
Enjin Sangkut		2.00
Enjin Dalam:		
Di bawah 10 k.k.		3.00
10 dan bawah 20 k.k.		5.00
20 dan bawah 30 k.k.		10.00
30-40		12.50
40-50		15.00
50-75		20.00
75-100		25.00
100-125		30.00
125-150		35.00
150-175		40.00
175-200		45.00
200-250		70.00

[Pind. PU(A)
180/86]

Sebagai tambahan:

- (a) RM25.00 bagi tiap-tiap tambahan 50 k.k. atau mana-mana bahagian darinya;
- (b) fee sebanyak RM5.00 hendaklah dibayar bagi 1 pasang patil lesen yang dikeluarkan.

[Pind. PU(A)
27/96]

Diperbuat pada 27hb Disember 1985.